

Bagi patahkan sebarang ancaman

Zionis: Kerajaan teruskan tindakan

KERAJAAN akan terus mengambil tindakan, termasuk menggunakan segala undang-undang yang ada untuk mematahkan ancaman dan niat jahat Zionis yang cuba menguasai dan meracuni pemikiran rakyat serta pelabur di negara ini.

Serentak itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap niat jahat Zionis atau pihak-pihak yang ingin menghancurkan negara.

Menurutnya, ada segelintir individu dan kumpulan, secara sadar atau tidak, diperalatkan oleh Zionis untuk memburukkan imej kerajaan dan sekaligus melemahkan ekonomi negara menerusi isu-isu tertentu.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan demikian ketika menjawab soalan Dr Chen Man Hin (DAP-Seremban), Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) dan Dr Eng Seng Chai (DAP-Petaling Jaya) secara serentak sewaktu soaljawab di Dewan Rakyat hari ini.

Sambil menganggap ancaman itu sangat berat, Perdana Menteri berkata Zionis turut mengancam keutuhan ekonomi dan kestabilan politik negara ini sejak kerajaan membuat pendirian tegas menentang kezaliman Zionis terhadap rakyat Palestin dan Arab.

"Taktik dan cara Zionis bertindak dalam komplot mereka untuk mengganggu-gugat mana-mana negara, pertubuhan atau individu yang terdampak sebagai menyebelahi perjuangan hak orang-orang Palestin atau Arab di Asia Barat amatlah licin.

"Tohmah, fitnah dan ugutan serta tindakan sulit yang dikenali sebagai 'dirty tricks' oleh agensi-agensia

mereka adalah cara-cara yang kerap kali digunakan terhadap mangsa-mangsa mereka," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Zionis juga kerap menggunakan saluran-saluran terbuka seperti akhbar dan pertubuhan yang sah supaya menyembunyikan niat jahat mereka bagi menabur fitnah dengan memainkan isu-isu semasa yang lumrah bangkitkan oleh puak-puak tertentu dalam negara-negara berkenaan.

"Penulisan-penulisan terbuka dan laporan-laporan sulit mengenai taktik-taktik kotor Zionis dan puak-puak sulit lain pernah dibuat oleh mereka yang pernah menjadi mangsa," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak mendedahkan nama-nama orang, pertubuhan atau negara yang terbabit kerana ini adalah rahsia kerajaan.

"Perkara ini penting supaya ia tidak menjejaskan atau menyulitkan tindakbalas kerajaan untuk menentukan ancaman ini tidak menjadi lebih buruk dan berlarutan," jelasnya.

Menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Perdana Menteri menjelaskan pengikut-pengikut Zionis ialah 'pencinta Zion' yang sanggup melakukan apa saja, termasuk kekejaman untuk kepentingan negara mereka.

Berbanding dengan Zionis, kata Perdana Menteri, orang Yahudi adalah penganut agama Yahudi dan tidak terbabit dalam perasaan kebangsaan yang menyeluruh.

Perdana Menteri berkata, kezaliman puak Zionis lebih dahsyat daripada apa yang dilakukan oleh Nazi ketika perang dulu.